

Kenal pasti kaedah kukuh kewangan FELDA: PM

Pasukan Petugas Khas bentang hasil laporan dalam masa terdekat

Oleh Abdul Razak Raaff dan Noor Hidayah Tanzizi
bhnew@bh.com.my

Sungkai: Pasukan Petugas Khas sudah ditubuhkan dan kini sedang mengenal pasti kaedah terbaik memastikan kemapanan kewangan dan kelestarian FELDA, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, pasukan petugas khas bagi menangani isu membabitkan FELDA itu dipengerusikan Tan Sri Abdul Wahid Omar, yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif Bursa Malaysia.

“Pasukan itu sedang berusaha mengenal pasti kaedah terbaik bagi menjamin kelestarian kewangan FELDA yang akan memberi manfaat kepada seluruh warga peneroka.

“Mereka akan membentangkan hasil laporan kepada saya dalam masa terdekat. Ini adalah sebagai langkah awal untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan

FELDA,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Peneroka FELDA 2020 Peringkat Kebangsaan di Dewan Besar Tun Abdul Razak MRSM FELDA Trolak, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Teknologi, Sains dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dan Pengerusi FELDA, Datuk Seri Idris Jusoh serta Ketua Peneroka FELDA Kebangsaan, Sulong Jamil Mohamed Shariff.

Sambutan Hari Peneroka FELDA 2020 bertemakan ‘Peneroka Perintis, Berani dan Suka Cabaran’.

Muhyiddin berkata, beliau sedang FELDA sedang berada dalam situasi yang agak sukar pada waktu ini, namun sumbangan besarnya kepada pembangunan negara sejak ditubuhkan 64 tahun dahulu



Muhyiddin menyampaikan tempat pertama Anugerah Keceriaan Kampung Felda 2020 kepada Ketua Peneroka Felda Sahabat 3, Midon Baho (empat dari kiri) di MRSM Felda, semalam. (Foto BERNAMA)

hingga ke hari ini, amat dihargai.

Katanya, antara kejayaan utama FELDA ialah membasmi kemiskinan, meningkatkan hasil komoditi negara dan meningkatkan taraf hidup masyarakat khususnya di luar bandar.

Sementara itu, FELDA Sahabat 3 di Sabah dipilih sebagai juara Anugerah Keceriaan Kampung Felda (AKKF) sempena Hari Peneroka 2020 selepas mengetepikan cabaran enam finalis lain, sekaligus membawa pulang wang tunai RM300,000 dan sijil.

Pemenang kedua AKKF dimenangi FELDA Adela, Kota Tinggi yang membawa pulang RM200,000 manakala tempat ketiga dimenangi FELDA Raja Alias Empat, Negeri Sembilan yang menerima RM100,000.

Pasukan itu sedang berusaha mengenal pasti kaedah terbaik bagi menjamin kelestarian kewangan FELDA yang akan memberi manfaat kepada seluruh warga peneroka.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

Sementara itu, Anugerah Pencapaian Peningkatan Hasil Sawit Tertinggi 2019 di menangi Ketua Peneroka FELDA Serting Hilir 3, Negeri Sembilan, yang membawa pulang RM10,000

Anugerah Pencapaian Peningkatan Hasil Getah Tertinggi 2019 pula milik FELDA Kepis, Negeri Sembilan yang turut membawa pulang RM10,000.

Peneroka FELDA Bukit Bading, Terengganu pula dipilih sebagai pemenang Anugerah Usahawan Jaya FELDA, Mustafa Ab Ilah yang menerima RM10,000.

Terdahulu, Perdana Menteri turut mengadakan sidang video secara langsung bertanya khabar dengan peneroka FELDA di wilayah utara, selatan dan timur, selama kira-kira 20 minit.